



Anggota APMM Pulau Pinang merampas bubu naga di sekitar perairan Pulau Burung, Seberang Perai Selatan, Georgetown. (Foto Ihsan APMM)

BH 10/6/2022 ms: 21

APMM rampas 40 set bubu naga

Georgetown: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang merampas 40 set bubu naga di tiga lokasi berbeza, di sini, kelmarin.

Rampasan itu dilakukan pasukan anggota yang melakukan rondaan di 1.4 batu nautika barat perairan Pulau Burung, Seberang Perai Selatan, sekitar jam 2.40 hingga 3 petang.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

Katanya, terdahulu ketika melakukan rondaan, anggota penguat kuasa menemukan beberapa pelampung yang mencurigakan di tiga lokasi berbeza terbabit.

Beliau berkata, anggota kemudian melakukan pemeriksaan sebelum berjaya menemukan 40 set bubu naga yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

“Semua bubu naga yang dirampas dengan anggaran nilai

RM4,800 itu dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Abd Razak berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

“Nelayan diingatkan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan yang diperuntukkan.

“Maritim Malaysia akan terus memantau aktiviti haram ini dari semasa ke semasa, dan meminta kerjasama orang ramai segera melaporkan sebarang kes atau jenayah maritim yang berlaku,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang laporan, aduan dan kecamasan di laut boleh menghubungi APMM melalui talian 24 jam, iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Pulau Pinang (04-2626146).